

'Tindakan PM tunjukkan tegas sikapnya dan praktik'

PEGAWAI Perancangan Kerja Syarikat Hagermeyer Industrial di Petaling Jaya, Encik Zabidin Omar, berkata tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, mengurangkan pembaziran pertukaran kereta rasmi Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik adalah sangat baik.

Kata beliau: "Ini menunjukkan Perdana Menteri baru kita orang yang sangat teliti, walaupun perkara itu kecil, tetapi untuk negara harus dipertikalkan.

"Saya bangga kita mendapat Perdana Menteri yang tegas dan berharap para Menteri jangan mementingkan diri kerana mereka harus sedar naik atau turunnya seseorang Menteri itu terletak pada rakyat."

Kondaktor bas, Encik Kassim Ahmad, pula berkata pengumuman Perdana Menteri itu memanglah baik

Oleh

ZUBAIRI ZABIDIN

memandangkan keenderaan ini bukanlah sesuatu yang dianggap amat penting.

Apa jenis keenderaan pun selagi dia baik adalah memadal untuk kegunaan rasmi mereka.

Ini akan membuktikan kepada rakyat bahawa mereka yang memegang jawatan tersebut bukanlah kerana berbagai kemudahan yang tersendiri, tetapi adalah rasa tanggungjawab terhadap bangsa dan negara.

Surirumah, Cik Hatijah Mat, berkata tindakan Datuk Seri Dr. Mahathir itu memang kena pada tempatnya kerana selama ini kita tidak sedar sedikit sebanyak membazirkan wang negara.

Menurutnya banyak perkara lain yang harus diberi dan diambil beratkan untuk kepentingan ekonomi negara.

"Tidak bermakna, jatuh imej seseorang Menteri itu bila kereta yang digunakannya selepas ini kecil sedikit," katanya.

"Bagi pendapat saya, rakyat tidak memandang itu semua, tetapi yang perlu ialah tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka. Jika baik, pasti akan mendapat pujian dari rakyat," tambahnya.

Pengetua sebuah maktab berkata tindakan Datuk Seri Dr. Mahathir itu menunjukkan yang ia seorang yang tegas dan tidak mementingkan diri sendiri.